# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 30 SEPTEMBER 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5. | KONTENA BAWA BIJI KOPI TAK PATUH SYARAT IMPORT, LOKAL, HM -3<br>19.2 TAN KOPI ARABICA DISITA, DALAM NEGERI, UM -33<br>MAQIS PULAU PINANG RAMPAS 19,200KG BIJI KOPI, NEGERI, SH -24<br>MAQIS RAMPAS 19,200KG KOPI, NASIONAL, BH -24<br>19.2 TAN KOPI ARABICA DIRAMPAS MAQIS, NEGARA, KOSMO -14 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 6.<br>7. | PASR BISIK DALAM NORMA BAHARU, NEGARA, KOSMO -5<br>TIADA LAGI 'BISIKAN' DI PASAR BISIK KOTA KUALA MUDA, DALAM NEGERI, UM -13 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 8.<br>9. | AGROBANK PERUNTUK RM2 JUTA, EKONOMI, UM -36<br>AGROBANK SASAR 90,000 AKAUN SERTAI KKA3, NASIONAL, SH -19 | AGROBANK |
| 10.<br>11.<br><br>12.<br><br>13. | PESAWAH KECEWA MAHU RACUN PADI, DALAM NEGERI, UM -13<br>URBAN AGRICULTURE PROJECTS GAINING TRACTION IN M'SIA, NATION, THE STAR -13<br>INIX, DURIAN PRODUCT MAKER TEAM UP, TO BUILD THREE PLANTS, SUNBIZ, THE SUN -12<br>INIX, DURIA FORM DURIAN ALLIANCE, BUSINESS/NEWS, NST -16 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/9/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 3 |



SEBAHAGIAN guni biji kopi Arabica yang disita Maqis Pulau Pinang ketika mengadakan pemeriksaan di NBCT.

# Kontena bawa biji kopi tak patuh syarat import

**Butterworth:** Sebuah kontena yang membawa 320 guni biji kopi Arabica dari Papua New Guinea ditahan Jumaat lalu selepas pemeriksaan mendapati ia tidak mematuhi syarat Import Permit.

Pada pemeriksaan dijalankan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang di Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, kontena itu didapati membawa biji kopi seberat 19.2 tan bernilai lebih RM156,000.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, hasil pemeriksaan ke atas barangan yang dibawa, pengimport melakukan kesalahan ketidakpatuhan membabitkan Sijil Perakuan 3P.

"Oleh sebab itu, semua dagangan terbabit disita oleh Maqis untuk tindakan selanjutnya," katanya pada kenyataan, semalam.

*"Hasil pemeriksaan ke atas barangan yang dibawa, pengimport melakukan kesalahan ketidakpatuhan membabitkan Sijil Perakuan 3P"*

***Zarina Ramli***

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/9/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# 19.2 tan kopi Arabica disita

**BUTTERWORTH:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri merampas 19.2 tan metrik biji kopi Arabica yang cuba dibawa masuk secara tidak sah melalui Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, produk dari Papua New Guinea itu dirampas semasa pemeriksaan kira-kira pukul 12 tengah hari Jumaat lalu selepas didapati tidak mematuhi syarat permit import.

Menurut beliau, produk itu yang dibawa dengan 320 guni disita selepas didapati melanggar syarat import iaitu ketidakpatuhan Sijil Perakuan 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan).

"Biji kopi tersebut yang ditemukan di dalam sebuah kontena bernilai RM156,213.57," katanya semalam.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].



**BIJI kopi Arabica yang cuba dibawa masuk secara tidak sah melalui NBCT Pulau Pinang disita Jabatan Maqis Pulau Pinang, Jumaat lalu. - IHSAN MAQIS**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/9/2020 | SINAR HARIAN | NEGERI | 24 |

# Maqis Pulau Pinang rampas 19,200kg biji kopi

**BUTTERWORTH** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 320 guni mengandungi 19,200 kilogram (kg) biji kopi Arabica selepas menahan sebuah kontena di Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini pada Jumaat lalu.



Biji kopi yang dirampas Maqis di NBCT, Butterworth Jumaat lalu.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, pemeriksaan pihaknya mendapati biji kopi dari Papua New Guinea itu dipercayai cuba dibawa masuk ke negara ini tanpa mematuhi syarat Import Permit iaitu ketidakpatuhan Sijil Perakuan 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan).

"Kesemua biji kopi bernilai RM156,213 itu telah disita untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam satu kenyataan media di sini semalam.

Beliau berkata, tindakan tersebut merupakan kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2) akta yang sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Jika mengulangi kesalahan yang sama, boleh didakwa di bawah akta sama yang diguna pakai oleh Maqis," kata beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/9/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 24 |

# MAQIS rampas 19,200kg kopi

**Butterworth:** Sebuah kontena yang membawa 320 guni biji kopi Arabica bernilai RM156,213.57 dari Papua New Guinea ditahan selepas pemeriksaan mendapati barangan berkenaan dibawa masuk tanpa mematuhi syarat import permit.

Pemeriksaan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang di Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini, Jumaat lalu, mendapati kontena berkenaan membawa biji kopi seberat 19,200 kilogram (kg).

Pengarah MAQIS negeri, Zarina Ramli, berkata hasil pemeriksaan ke atas barangan didapati pengimport melakukan kesalahan ketidakpatuhan membabitkan Sijil Perakuan 3P.

"MAQIS menyita semua dagangan untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Katanya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tidak mematuhi piawaian dikehendaki pada permit import MAQIS adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjarakan maksimum enam tahun atau kedua-duanya.

MAQIS mengambil langkah serius dalam isu membabitkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara.



***Sebahagian 320 guni biji kopi Arabica*** *dirampas MAQIS di Pengkalan Kontena Butterworth Utara.* (Foto ihsan MAQIS)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/9/2020 | KOSMO | NEGARA | 14 |



BIJI kopi Arabica yang dirampas dalam pemeriksaan di NBCT, Butterworth Jumaat lalu.

# 19.2 tan kopi Arabica dirampas Maqis

**SEBERANG PERAI** – Sebanyak 19.2 tan biji kopi Arabica dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri selepas menggagalkan cubaan membawa masuk produk pertanian itu ke negara ini melalui Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini Jumaat lalu.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, tindakan itu dibuat semasa pemeriksaan pihaknya kira-kira pukul 12 tengah hari selepas mendapati produk dari Papua New Guinea itu tidak mematuhi syarat permit import.

"Sebanyak 320 guni biji kopi Arabica seberat 19,200 kilogram disita selepas ia didapati melanggar syarat import iaitu ketidakpatuhan Sijil Perakuan 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan).

"Biji kopi tersebut yang ditemui di dalam sebuah kontena adalah bernilai RM156,213.57," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurutnya, biji kopi itu diimport dalam bentuk mentah serta dipercayai untuk diproses di negara ini sebelum dipasarkan ke pasaran tempatan dan luar.

Ujarnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/9/2020 | KOSMO | NEGARA | 5 |

Pengunjung dan nelayan patuhi SOP penjarakan fizikal semasa berjual beli

# Pasar bisik dalam norma baharu

Oleh NUR SYAZWANA MANSOR

**SUNGAI PETANI** – Nelayan dan pengunjung di Pasar Bisik Kota Kuala Muda di sini menjalankan tradisi berbisik bagi aktiviti jual beli ikan secara norma baharu bagi membendung penularan Covid-19.

Amalan penduduk setempat yang sudah dilakukan sejak lebih 50 tahun lalu itu dilakukan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan penjarakan fizikal selain diawasi anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM).

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu, budaya berbisik yang menjadi tradisi di pasar terbabit terpaksa dihentikan.

Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Muda, Mohamad Fahamy Mohamad Shagaff berkata, pasar bisik itu sudah dibuka untuk orang awam di mana sebelum ini hanya dibenarkan untuk peraih yang berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).



ANGGOTA APM membuat pemantauan dan mengawasi jarak pengunjung di Pasar Nelayan Kuala Muda.

"Namun 15 orang pengunjung sahaja yang boleh berada di dalam kompleks pasar bisik pada satu-satu masa.

"Pengunjung juga hanya dibenarkan berada di dalam kawasan kompleks dan tidak dibenarkan turun ke kawasan pelantar bot nelayan," jelasnya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, aktiviti jual beli antara nelayan dan pelanggan juga dibuat secara penjarakan fizikal satu meter.

"Aktiviti membida harga masih dilakukan mengikut budaya pasar ini tetapi dalam jarak yang ditetapkan," katanya.

Sementara itu, nelayan yang juga Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kuala Muda, Md. Saad Said, 62, berkata, bekalan ikan kembung di pasar tersebut tidak pernah terputus sejak Mac lalu.

"Tangkapan ikan kembung meningkat sejak Mac lalu dan setiap nelayan akan dapat membawa balik sebanyak 400 hingga 500 kilogram ikan sehari jika cuaca baik.

"Pendapatan nelayan kini kembali pulih dalam tempoh PKP Pemulihan ini selepas orang awam dibenarkan untuk datang ke pasar ini semula," tambahnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/9/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 13 |

# Tiada lagi 'bisikan' di Pasar Bisik Kota Kuala Muda

**SUNGAI PETANI:** Peniaga ikan di Pasar Bisik Kota Kuala Muda di sini terpaksa menghentikan amalan berbisik yang menjadi tradisi dalam aktiviti menjual dan membeli ikan bagi mematuhi penjarakan fizikal bagi mengekang penularan Covid-19.

Amalan berbisik dalam urusan menjual dan membeli beli ikan di pasar itu telah diamalkan sejak lebih 50 tahun lalu.

Pasar bisik tersebut ditutup kepada orang ramai berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu dan dibuka semula pada awal Ogos lepas, namun amalan berbisik tidak dibenarkan.

Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Muda, Mohamad Fahamy Mohamad Shagaff berkata, pasar bisik telah dibuka kepada orang ramai sepenuhnya berbanding sebelum ini dibuka kepada peraih yang berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sahaja.

Bagaimanapun menurutnya, seramai 15 orang pengunjung sahaja yang boleh berada di dalam kompleks pasar bisik pada satu-satu masa.

"Pengunjung juga hanya dibenarkan berada di dalam kawasan kompleks sahaja dan tidak dibenarkan turun ke kawasan pelantar bot nelayan," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, nelayan yang juga Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kuala Muda, Md. Saad Said, 62, berkata, bekalan ikan kembung di pasar bisik terbabit tidak pernah putus sejak Mac lalu namun sukar dijual kerana pasar tersebut ditutup kepada orang ramai.

"Tangkapan ikan kembung meningkat sejak Mac lalu dan setiap nelayan akan dapat membawa balik sebanyak 400 hingga 500 kilogram ikan sehari jika cuaca baik," tambahnya.

Tambahnya, pendapatan nelayan kini kembali pulih selepas pasar tersebut dibuka kepada orang ramai.

"Nelayan di sini lega apabila peraih dan orang awam dibenarkan masuk semula walaupun perlu mematuhi prosedur operasi standard SOP yang ditetapkan.

"Pembukaan semula pasar ini akan dapat membantu meningkatkan semula pendapatan nelayan di sini," katanya.



PENIAGA dan peraih tidak dibenarkan berbisik ketika urusan jual dan beli ikan bagi menjaga penjarakan fizikal di Pasar Bisik Kota Kuala Muda, Sungai Petani, Kedah semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/9/2020 | UTUSAN MALAYSIA | EKONOMI | 36 |



# Agrobank peruntuk RM2 juta

**KUALA LUMPUR:** Agrobank memperuntukan hadiah keseluruhan berjumlah RM2 juta bagi Kempen Kita-Kita Aje 2 (KKA 2).

Menurut Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar, kempen itu telah dibuka kepada semua pelanggan dan pemegang AgroPrimaS di semua cawangan Agrobank dengan hanya membuat deposit serendah RM500 dan mengekalkan jumlah itu sehingga tamat tempoh kempen, iaitu selama 12 bulan.

"Kempen KKA 2 telah mendapat sambutan memberangsangkan dengan lebih 60,000 akaun mengambil bahagian dan kami menyasarkan angka ini akan meningkat kepada 90,000 akaun menerusi kempen KKA 3 yang sudah pun bermula pada 1 Ogos lalu," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Agrobank telah mengumumkan pemenang cabutan kempen



KHADIJAH ISKANDAR

berkenaan dengan hadiah utama, sebuah pacuan empat roda, Ford Ranger XTL dimenangi oleh warga emas, Cheng Siew Chan, 66, dari Pantai Remis, Selangor.

Majlis dihadiri oleh Timbalan Menteri I Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Khadijah berkata, seramai 5,796 pemenang terpilih di bawah kategori Cabutan Bertuah Setempat dengan 21 pemenang daripada setiap cawangan Agrobank (138 cawangan Agrobank di seluruh negara) menerusi dua kali cabutan hadiah dibuat.

"Manakala 31 pemenang diumumkan bagi Kategori Cabutan Perdana yang mempunyai dua sub-kategori iaitu Kategori Umum dan Kategori Junior yang menawarkan pelbagai hadiah lumayan termasuk kenderaan Ford Ranger XLT* dan wang tunai berjumlah RM30,000 serta telefon pintar i-Phone XS," katanya.

Kempen KKA 3 yang berlangsung sehingga 31 Julai 2021, menawarkan pelbagai hadiah menarik termasuk wang tunai bulanan sebanyak RM4,000 dan wang tunai bulanan (dana pendidikan) sebanyak RM1,000 kepada lima pemenang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/9/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 19 |

# Agrobank sasar 90,000 akaun sertai KKA 3

**Kempen Kita-Kita Aje 3 (KKA 3) bermula pada 1 Ogos lalu sehingga 31 Julai 2021**

Oleh ZUBIR SULAIMAN

**KUALA LUMPUR**



FOTO: ROSLI TALIB

Ahmad (lima dari kiri), Che Abdullah (empat dari kiri) dan Khadijah (tiga dari kanan) bergambar bersama pemenang-pemenang pada Majlis Penyampaian Hadiah Utama Cabutan Bertuah Kempen Kita-Kita Aje 2 (KKA2) semalam.

Agrobank menyasarkan penyertaan sebanyak 90,000 akaun bagi kempen Kita-Kita Aje 3 (KKA 3) yang bermula 1 Ogos lalu sehingga 31 Julai 2021.

Pemangku Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, sasaran itu dibuat berdasarkan sambutan memberangsangkan kempen KKA 2 dengan penyertaan lebih 60,000 akaun sejak 1 April



AHMAD HAMZAH

2019 sehingga 31 Mac 2020.

Menurutnya, kempen KKA Agrobank itu turut memberi peluang kepada pelanggan Agrobank di kawasan luar bandar untuk memenangi hadiah dengan memperkenalkan 'Cabutan Bertuah Setempat' yang agak unik jika dibandingkan dengan kempen cabutan lain.

"Seramai 5,796 pemenang terpilih di bawah kategori 'Cabutan Bertuah Setempat' dengan 21 pemenang daripada setiap cawangan Agrobank melibatkan138 cawangan Agrobank di seluruh negara menerusi dua cabutan hadiah.

"Bagi kategori 'Cabutan Perdana', seramai 31 pemenang telah diumumkan melibatkan dua sub kategori iaitu Kategori Umum dan Kategori Junior dengan menawarkan pelbagai hadiah lumayan termasuk kenderaan Ford Ranger XLT dan wang tunai berjumlah RM30,000 serta telefon pintar i-Phone XS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Perdana Kempen KKA 2 dengan jumlah keseluruhan RM2 juta yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Pada majlis itu, seramai enam pemenang menerima hadiah utama iaitu Cheng Siew Chan (Ford Ranger XLT); Dr Che Mariana Che Hussin (Ford Ranger XLT); Alias Sani (Motosikal Honda CBR500R); Azizah A Bakar (Motosikal Honda CBR500R); Azmi Fresh Chicken Sdn Bhd (Wang Tunai RM30,000) dan Catervax Resources (Baucer Habib Jewel RM10,000).

Sementara itu, Ahmad berkata, program atau kempen seperti KKA 2 itu bukan sahaja berperanan sebagai satu ganjaran atau *reward system* kepada pelanggan setia Agrobank, malah dapat memupuk semangat menyimpan dalam kalangan pelanggan tanpa mengira peringkat umur dan latar belakang terutamanya dalam menghadapi waktu sukar seperti sekarang ini akibat pandemik Covid-19.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/9/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 13 |

# Pesawah kecewa mahu racun padi



HALIJAH Dahlan menunjukkan padi angin di sawahnya di Paya Sepayang, Rompin, Pahang. – UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN
utusannews@mediamulia.com.my

**ROMPIN:** "Saya sudah beli beberapa jenis racun untuk meracun padi angin selepas kecewa sangat apabila usaha keras dan modal yang dikeluarkan tidak berbaloi kerana padi angin yang tumbuh," kata petani wanita, **Halijah Dahlan**, 61, ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Sawah Paya Sepayang di sini.

Ibu tunggal itu memberitahu, bagaimanapun dia membatalkan hasratnya selepas dihalang kerana tindakannya itu akan merosakkan padi pesawah lain.

Halijah berkata, dia merasakan kerja kerasnya setiap hari ke sawah selain modal yang dilaburkan adalah sia-sia selepas kesemua kawasan sawah berkenaan tumbuh dengan padi angin.

"Tak tahu apa lagi nak cakap dengan keadaan padi begini, semuanya padi angin. Saya sudah habis beribu modal termasuk racun dan membaja. Saya risau padi angin ini akan menjadi bertambah teruk.

"Modal saya untuk musim depan sudah habis, mungkin terpaksa bergadai selepas ini. Itu pun tidak pasti cukup atau tidak," katanya.

Halijah berkata, dia mengusahakan seluas 7.2 hektar sawah dengan anggaran kos yang dilaburkan sebanyak RM24,000 dengan purata RM4,000 bagi 1.2 hektar tanah.

Katanya, setakat ini hanya satu kawasan penanaman tanah seluas 1.2 hektar telah dituai dengan hanya mendapat hasil kira-kira satu metrik tan menyebabkan dia mengalami kerugian besar.

"Semua sawah saya ada padi angin dan kali ini jumlahnya amat luar biasa, padi angin ini menghalang padi biasa tumbuh dan pada penanaman musim akan datang saya tidak tahu macam mana kerana buah padi angin telah jatuh dan akan tumbuh kembali," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Sawah Paya Sepayang, **Azman Mohamad** berkata, serangan padi angin kali ini amat teruk melibatkan kira-kira 80 peratus kawasan sawah Paya Sepayang yang mempunyai keluasan sebanyak 280 hektar.

Katanya, masalah padi angin menyebabkan pesawah padi di situ terbeban apabila mengalami kerugian selepas hasil menurun kira-kira separuh berbanding pada musim penanaman padi lalu.

Beliau memberitahu, penggunaan padi kebal varieti MR220 CL1 dan CL2 yang bertujuan menghapuskan padi angin juga adalah sia-sia kerana masih banyak padi angin tumbuh sehingga pesawah buntu mengatasi masalah itu.

"Kalau musim dulu purata hasil padi bagi 1.2 hektar adalah kira-kira tujuh metrik tan tetapi pada musim ini purata hasil hanyalah tiga tan sahaja. Jadi kami harap pihak berkaitan dapat membantu mengatasi masalah yang membebankan pesawah ini," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/9/2020 | THE STAR | NATION | 13 |

# Urban agriculture projects gaining traction in M'sia

**PETALING JAYA:** Home gardens and urban farming projects have sprouted up recently, with the movement control order (MCO) giving Malaysians the extra incentive to test out their green fingers.

Dr Tey Yeong Sheng, a researcher at the Institute of Agricultural and Food Policy Studies at Universiti Putra Malaysia, said he noted that farming and gardening activities in urban areas peaked during the MCO.

He believes urban agriculture has gained traction in recent times, not just as a source of food but also as a way to hedge against the negative effects of rapid urbanisation.

"It helps to optimise land use and it reduces the cost of living, malnourishment and food insecurity of urban population. It also helps to 'green' the environment.

"There are also many community-based urban farming projects and some are relatively noteworthy. Such community projects also enhance social integration as they involve local residents, NGOs, local government and the Department of Agriculture," he said, citing the Urban Farming Project in Taman Desa Damai, Penang as an example.

Dr Tey believed that there will be growth in consumer awareness for practices that are rooted in agricultural sustainability.

"As much as farmers desire sustainable development, only a fraction of consumers are willing to reward good farmers with a price premium.

"In this regard, urban agriculture offers some hope. Urban farming projects induce community members to pay up a little more as they have confidence in the source of origin of the vegetables and the local production practices," he said.

Khazanah Research Institute senior research associate Dr Sarena Che Omar explained that urban farming can include rooftop, glasshouse, vertical farms, or community-based farms, as well as, small patches of edible plants grown in one's homes.

"Since we lack formal data statistics, relying on observations alone, we see an increasing trend over the last few years involving interest in all three types of urban farming.

"The MCO has further amplified both the interest and motivation of the urban population to take up urban farming," she said.

Even so, she noted that in reality, urban farming is unlikely to be able to replace all the vegetables and fruits that are currently being produced in the country or imported.

"This is due to the limited space that is needed to achieve the economies of scale, and the large quantity of food that is needed by the nation," she said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/9/2020 | THE SUN | SUNBIZ | 12 |

# Inix, durian product maker team up, to build three plants

**KUALA LUMPUR:** Inix Technologies Holdings Bhd has ventured into the lucrative durian industry by forging a strategic partnership with local durian product manufacturer Duria Manufacturing Sdn Bhd.

In a joint statement yesterday, Inix executive director Siva Kumar Kalugasalam said under the partnership, the company will secure the supply chain for Duria for 5,000 tonnes of frozen Musang King durians, 2,000 tonnes of durian paste and 1,000 tonnes of Musang King pulp over the next five years.

"In return, Duria will be able roll out its upstream vertical integration campaign," he said.

Siva said the two companies plan to build three new primary processing plants with advanced technology; the first to be located in Perak while the location for the other two will be determined at a later date.

Describing the lucrativeness of durian industry, Duria CEO Wong Woei Ming said the Musang King durian's wholesale price is currently at RM60 per kg while its annual average price for 2020 is expected to be at RM40 per kg.

He added that the average price of durian paste is currently at RM50 per kg and Musang King pulp at RM100 per kg.

Wong revealed that Duria had invested millions of ringgit in high-tech production technologies, including liquid nitrogen quick-freezing machines, semi-automatic fruit opening machines, pulp production vacuum technology and high-pressure sterilisation fruit puree to achieve the highest production efficiency and sanitary indicators for food safety and superior quality.

He said the company had also developed an innovative refrigerated fresh durian pastry and Musang King mooncake to cater to the growing global demand, adding that currently, Duria's products are sold to the United States, Canada, Australia, New Zealand, China, Hong Kong and Singapore.

Wong also disclosed that the company is considering going public in the next two years to internationalise the brand and attract more foreign investments, but did not provide further details on the listing plan. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/9/2020 | NST | BUSINESS/ NEWS | 16 |


EXPANDING MARKET

# INIX, DURIA FORM DURIAN ALLIANCE

## Plan to build 3 primary processing facilities, with the first to be located in Perak

FARAH ADILLA
**KUALA LUMPUR**
bt@nst.com.my

INIX Technologies Holdings Bhd, together with strategic partner Duria Manufacturing Sdn Bhd, is building three new primary processing plants to tap the lucrative durian market.

Inix executive director Siva Kumar Kalugasalam said under the partnership, it would supply Duria with 5,000 tonnes of nitrogen-frozen Musang King fruits, 2,000 tonnes of durian paste and 1,000 tonnes of Musang King pulp over the next five years.

In return, Duria will be able roll out its upstream-vertical integration campaign.

"Inix and Duria will start three new primary processing plants, with the first to be located in Perak.

"Inix decided to invest in this joint venture (JV) so as to tap the expanding market demand and create value for shareholders," he said during the signing ceremony, here, yesterday.

Siva added that the company had targeted to achieve a 20 to 35 per cent return on investment from the factories in the next two years.

Duria chief executive officer Wong Woei Ming said the company's total sales volume to date had increased by 50 per cent compared to the same period last year.

"This once again proves Duria's popularity in the market. The company also plans to establish an online platform to sell our 'Musang King Snowy Mooncakes'."

Sales of the Musang King mooncakes to China alone exceeded 300,000 boxes last year.

Duria's products are also exported to the United States, Canada, Australia, New Zealand and Singapore.

He added that Duria had invested millions of ringgit in high-tech production technologies, including liquid nitrogen quick-freezing machines, semi-automatic fruit-opening machines, pulp production vacuum technology and high-pressure sterilisation fruit puree, to achieve the highest production efficiency and food safety.

Meanwhile, Wong said the company would also consider a listing in the next two years once the brand had become more internationalised and attracted more foreign investment.